

SIARAN MEDIA

TADBIR URUS PENGURUSAN BENCANA NEGARA TERUS DIPERKUKUH

PUCHONG, 8 Januari 2025 - YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah menyampaikan amanat tahun baharu 2026 kepada warga Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di Markas Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), Pulau Meranti, Puchong hari ini.

Antara intipati amanat yang disampaikan oleh beliau adalah:

(i) mencadangkan penubuhan Majlis Pengurusan Bencana Negara sebagai sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet

Penubuhan Majlis ini akan membolehkan penglibatan langsung kepimpinan politik tertinggi Persekutuan dan Negeri, sekali gus memastikan keputusan strategik berkaitan bencana dibuat secara lebih bersepadu, tuntas dan berwibawa. Pada masa ini, di bawah Arahan NADMA No. 1, mekanisme tadbir urus tertinggi pengurusan bencana negara adalah melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP). Namun, struktur ini tidak melibatkan penyertaan langsung peranan Menteri Besar dan Ketua Menteri, sedangkan Kerajaan Negeri yang memegang kuasa penting dalam aspek pembangunan, guna tanah serta pengurusan air iaitu faktor-faktor kritikal amat mempengaruhi tahap risiko dan impak bencana.

(ii) persediaan International Search and Rescue Advisory Group - INSARAG External Reclassification (IER) 2026 Pasukan SMART

YAB TPM menzahirkan keyakinan penuh kepada Pasukan SMART untuk mendapat pengiktirafan semula IER sebagai pasukan Heavy Urban Search and Rescue (USAR) pada bulan September tahun ini. Beliau turut memuji kredibiliti pasukan SMART selaku pasukan mencari dan menyelamatkan bandar elit Malaysia dalam pelbagai operasi bencana di dalam dan luar negara.

(iii) membangunkan kepakaran dalam pengurusan bencana secara sistematik

YAB TPM juga bersetuju supaya NADMA membangunkan kepakaran serta mewujudkan laluan kerjaya khusus bagi *Subject Matter Expert* (SME) dalam pengurusan bencana secara dalaman bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kepakaran ini amat penting bagi memastikan pengukuhan dasar dan keupayaan teknikal dalam menguruskan bencana di peringkat nasional dan antarabangsa.

(iv) kejayaan pelaksanaan Bantuan Wang Ihsan (BWI) melalui EFT dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional

Inisiatif ini bukan sahaja mengurangkan kerenah birokrasi, malah memudahkan rakyat menerima bantuan dengan lebih cepat dan selamat. berdasarkan prestasi semasa, bantuan yang lebih cepat diterima rakyat iaitu di antara satu hingga tiga minggu dari tarikh pusat pemindahan ditutup berbanding tiga hingga enam bulan sebelum ini.

(v) melaksanakan penstrukturan semula atau reorganisasi perjawatan NADMA

YAB TPM mencadangkan keperluan mewujudkan NADMA di setiap negeri. Oleh itu, usaha penstrukturan semula perlu disegerakan sejajar dengan cabaran serta tuntutan semasa dan peranan NADMA yang semakin berkembang.

Akhir sekali, YAB TPM turut menegaskan bahawa pengurusan bencana tidak lagi boleh bersifat reaktif, sebaliknya perlu beralih kepada pendekatan strategik yang menekankan pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan sekaligus dapat membina daya tahan negara.

#####

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengurusan Bencana Negara
8 Januari 2026